



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6575]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6597]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas) —

Jadual —

Kepala B. 66 [Ruangan 6599]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas) —

Kepala P. 66 [Ruangan 6599]

Kadar bantuan telah dinaikkan dari \$250 kepada \$300 seekar.

DAKWAH ISLAMIAH

21. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan kejayaan mengawasi kegiatan dakwah Islamiah yang dijalankan oleh Pelajar Islam Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri. Adakah beliau berpuashati atas kegiatan yang dijalankan oleh mereka.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan dakwah oleh Pelajar-pelajar Islam di Pusat Pengajian Tinggi di dalam negeri sememangnya diawasi dengan rapi untuk mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan. Bagi kegiatan dakwah di luar negeri ini pun diberikan perhatian melalui Jabatan-jabatan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri. Pada masa ini tiada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kegiatan dakwah menjejaskan kemajuan pelajar-pelajar kita di dalam dan luar negeri pada keseluruhannya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1976; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana gangguan bekalan elektrik, saya bercadang hendak menempohkan persidangan Dewan ini selama lebih kurang 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 3.15 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.35 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (15hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu Kementerian sahaja lagi yang dihaskan untuk ditimbang oleh Majlis ini pada hari ini iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Anggaran Perbelanjaan Kepala B. 66 dan Anggaran Pembangunan P. 66. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengemukakan.